

Atitud Komuniti Orang Asli Terhadap Pembangunan Pelancongan di Cameron Highland

Orang Asli Community's Attitudes Toward Tourism Development in Cameron Highland

Siti Hajar Mohd Idris*
Norlida Hanim Mohd Salleh
Abdul Hamid Jaafar
Redzuan Othman
Pusat Pengajian Ekonomi dan Pengurusan
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mail: hajar@ukm.my*

ABSTRAK

Sektor pelancongan mampu membawa pembangunan ke kawasan pedalaman yang sukar untuk dimajukan yang seterusnya memberi manfaat kepada komuniti yang sering terpinggir dari arus pembangunan. Untuk mengoptimumkan faedah dari pelaksanaan pembangunan tersebut, atitud komuniti setempat terhadap aktiviti yang dijalankan bukan sahaja penting tetapi perlu positif dan meyokong pembangunan tersebut. Dengan pendekatan teori pertukaran sosial, kajian ini menganalisis bagaimana manfaat dan ciri komuniti mempengaruhi persepsi negatif, positif dan sokongan terhadap pelancongan bagi komuniti orang asli yang tinggal di Cameron Highland, Pahang. Berdasarkan sampel 475 orang yang dipungut dengan menggunakan teknik pensampelan rawak berstrata berbilang peringkat dan soal selidik sebagai instrument kajian, hasil regresi menunjukkan manfaat yang diperolehi adalah signifikan dalam mempengaruhi kesemua pembolehubah bersandar manakala hanya ciri komuniti seperti kemahiran membaca dan menulis dan kedudukan kawasan penempatan didapati signifikan. Kesedaran dan pengetahuan komuniti ini terhadap pembangunan pelancongan yang dilaksanakan perlu dipertingkatkan dalam usaha untuk mengoptimumkan kesan positif yang seterusnya mampu membawa kepada peningkatan dalam taraf hidup komuniti ini.

Katakunci: Pembangunan Pelancongan, Atitud Komuniti, Teori Pertukaran Sosial.

ABSTRACT

The tourism sector is able to bring development to remote areas that are difficult to develop, hence benefiting communities whom are often marginalized from the mainstream economic development. To optimize the benefits from the implementation of tourism development, the community's attitudes toward tourism activities are important. These attitudes should be positive, supporting the development that is being undertaken. Using the social exchange theory, this study analyzes how tourism benefits and community characteristics affect positive and negative perceptions and support for tourism for the indigenous community living in the Cameron Highlands, Pahang. Based on 475 samples collected using a multi-stage stratified random sampling technique and questionnaire as a research instrument, the regression results show that benefit is significant in influencing all the dependent variables. A few community traits which include writing and reading skills, and settlements location are found to be significant. Community awareness and knowledge of tourism development in their area should be enhanced to further optimize the positive effects which consequently will increase their standard of living.

Keywords: Tourism Development, Residents Attitude, Social Exchange Theory

PENGENALAN

Pertumbuhan industri pelancongan yang dinamik telah membolehkan sektor ini dilihat sebagai pemacu dalam meningkat dan merangsang pertumbuhan ekonomi sesebuah negara (Ashley et al., 2007). Pertumbuhan dan pembangunan yang berlaku tidak hanya terhad kepada kawasan destinasi

pelancongan tetapi turut memberi impak positif dan negatif terutama dari aspek ekonomi kepada kawasan sekitarnya (Nicholas et al., 2009). Secara tidak langsung, kehidupan komuniti yang tinggal di kawasan sekitar destinasi pelancongan terkesan oleh aktiviti pelancongan tersebut. Kesan rantaian samada dari aktiviti yang terbabit secara langsung atau tidak langsung terutamanya pengangkutan, hotel dan makanan turut mampu menjana hasil yang lebih tinggi dan peluang pekerjaan yang lebih banyak (Nowak et al., 2003). Oleh itu, beberapa kajian telah menyimpulkan bahawa aktiviti pelancongan adalah satu mekanisme baru yang mampu menjana dan meningkatkan pendapatan komuniti tempatan (Mitchell & Ashley, 2010).

Dengan itu, aktiviti pelancongan di pelgiatkan di kawasan di mana pelancongan boleh dipromosikan sebagai satu produk untuk memperbaiki keadaan ekonomi terutamanya dalam kalangan komuniti yang dianggap sebagai tercicir dari arus pembangunan. Ini termasuk masyarakat Orang Asli atau pribumi yang menjadi fokus banyak kajian samada diperingkat tempatan atau antarabangsa seperti di Australia (Richard Butler & Tom Hinch 2007; Whitford & Ruhanen, 2010) di Artik (Notzke, 1999), di New Zealand (Hall et al., 1996) dan Afrika (Veuren, 2003). Impak pelancongan kepada komuniti pribumi adalah bercampur-campur, menekankan wujudnya kesan negatif dan positif yang dialami oleh komuniti ini. Walau bagaimanapun, kesan positif yang tinggi terutama dari segi pencapaian ekonomi dan sosial (Kwon & Vogt, 2010), pemeliharaan dan apresiasi budaya menjadikan ia satu alat yang penting untuk dipertimbangkan sebagai sektor pilihan untuk pembangunan komuniti ini.

Impak yang terhasil pula banyak bergantung kepada atitud yang ditunjukkan oleh komuniti setempat terhadap pembangunan aktiviti pelancongan yang di jalankan (Veuren, 2012), fasa pembangunan pelancongan di kawasan tersebut (Ribeiro, 2013) dan sejauhmana komuniti tersebut terlibat dengan pembangunan yang dirancang (Krannich, 2011). Atitud yang ditunjukkan turut mempengaruhi sejauhmana komuniti setempat menyokong usaha yang dijalankan dalam membangunkan sektor tersebut di kawasan mereka (Látková, Pavlína & Christine A. Vogt, 2012; XU et al., 2009). Sekiranya atitud komuniti memberi petunjuk kearah menyokong usaha tersebut, maka pulangan (samada berbentuk wang atau bukan wang) yang diperolehi adalah lebih tinggi berbanding jika pembangunan di laksanakan di kawasan yang mana komuniti setempatnya mempunyai atitud tidak menyokong terhadap pembangunan tersebut (Aref, 2010). Ini kerana komuniti setempat adalah pihak berkepentingan dan merupakan *stakeholder* yang terlibat secara langsung dalam proses pembangunan pelancongan di kawasan mereka (Byrd et al., 2009).

Cameron Highland di negeri Pahang adalah salah satu kawasan pelancongan yang telah lama dan masih dibangunkan untuk tujuan eko dan agro pelancongan. Ia juga merupakan kediaman bagi kira-kira 28 kawasan penempatan orang asli dengan anggaran populasi 60,000 orang (JHEOA, 2010) yang mana terdapat segelintir daripada mereka terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti pelancongan. Banyak kajian lepas di Cameron Highland menyarankan supaya menggabungkan komuniti ini dalam aktiviti pelancongan supaya mereka turut mendapat munafaat dari aktiviti yang dijalankan di kawasan ini (Chan et al 2006; Barrow et al., 2005). Namun demikian, untuk mendapatkan faedah dari aktiviti pelancongan yang dijalankan di kawasan mereka, atitud komuniti ini terhadap pembangunan pelancongan perlu dikaji terlebih dahulu. Faedah termasuklah dari aspek ekonomi, akan diperolehi hanya jika komuniti ini mempunyai atitud kearah menyokong aktiviti yang dijalankan. Sekiranya faedah dapat dikecapi melalui aktiviti pelancongan, usaha membangunkan komuniti ini dalam sektor pelancongan boleh dijadikan perancangan jangka panjang. Oleh yang demikian, kajian ini menganalisis atitud komuniti orang asli di Cameron Highland terhadap aktiviti pelancongan di kawasan tersebut. Persoalan kajian tertumpu kepada memperincikan samada manfaat pelancongan dan ciri komuniti mempengaruhi persepsi positif, persepsi negatif dan sokongan mereka terhadap pelancongan.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Di Malaysia, Orang Asli didefinisikan mengikut Akta 134 iaitu, Orang Asli adalah orang yang ibu atau bapanya atau kedua-duanya adalah Orang Asli, bercakap dalam bahasa Orang Asli, mengikut cara hidup Orang Asli serta mempercayai adat dan kepercayaan Orang Asli.

Orang Asli di Malaysia terbahagi kepada tiga kumpulan etnik utama iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto. Etnik Senoi membentuk hampir 55 peratus daripada keseluruhan populasi orang asli yang kebanyakannya tinggal di negeri Perak dan Pahang (JHEOA, 2010). Etnik Senoi ini terbentuk daripada enam kumpulan sub etnik yang majoritinya adalah terdiri daripada sub etnik Semai.

Komuniti Semai pula membentuk majoriti daripada orang asli yang tinggal di Cameron Highland. Setiap kumpulan etnik mempunyai bahasa, budaya dan gaya hidup yang unik dan tersendiri.

Sifat mereka yang suka kepada alam semula jadi menyebabkan masyarakat Semai di Cameron Highland tinggal di penempatan yang kebanyakannya terletak di kawasan pedalaman, jauh dari kesibukan bandar. Bagi memudahkan penerimaan bantuan dan asimilasi ke dalam masyarakat, kerajaan telah menubuhkan, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Ia bertujuan melindungi kebajikan mereka dalam hal-hal yang berkaitan dengan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air, dewan orang ramai, sekolah dan penjanaan elektrik. Walau bagaimanapun, JHEOA melaporkan pada tahun 2008 dianggarkan 13,945 isi rumah orang asli di Malaysia tergolong dalam kategori isi rumah miskin tegar. Walaupun data makro ini tidak memberi maklumat terperinci dan gambaran sebenar tentang komuniti yang tinggal di Cameron Highland, ia boleh dijadikan sebagai petanda bahawa masalah sosio-ekonomi seperti kemiskinan menular dalam kalangan ahli komuniti ini.

Komuniti orang asli sering dikaitkan dengan masalah keciciran pendidikan (Shaari, Abdull Sukor et al., 2011) dan sering dibelenggu kemiskinan (Er, Ah Choy, 2010). Kajian turut menunjukkan bahawa pergantungan mereka kepada sumber asas hutan adalah faktor utama yang menyumbang kepada kemiskinan tersebut (Mustafa, 2004; Siti Nor Awang Edo dan Julai, 2003) kerana aktiviti ekonomi ini tidak mampu memberikan pendapatan yang tetap dan stabil kepada mereka (Zahid et al., 1996). Mereka mengumpul dan menjual hasil hutan termasuk buah-buahan, rotan, orkid liar kepada pengunjung dan peraih untuk tujuan kelangsungan hidup. Namun demikian, aktiviti pertanian, perladangan dan pembalakan telah mengakibatkan kerosakan alam sekitar (Wazir-Jahan, 1990, Barrow et al., 2003) yang seterusnya menggugat punca pendapatan mereka. Aktiviti pembangunan yang dijalankan di kawasan ini turut memungkinkan penempatan mereka diakses sekurang-kurangnya dengan bermotosikal. Senario ini memberikan pendedahan kepada mereka tentang aktiviti ekonomi alternatif. Terdapat sebilangan mereka bekerja 'makan gaji' di sektor perkhidmatan dan pelancongan di Cameron Highland. Jenis pekerjaan yang diceburi termasuklah sebagai kedi golf, pemandu pelancong dalam aktiviti meredah hutan, pencuci hotel, kakitangan kerajaan dan pekerja ladang. Walaupun mereka mempunyai pendedahan kepada industri pelancongan, produk pelancongan yang berorientasikan komuniti orang asli seperti kraftangan, budaya dan warisan tidak di promosi secara optimum (Nicolas, 2000).

Aktiviti pelancongan di Cameron Highland telah menerima pendapatan tahunan yang tinggi dengan komposisi kedatangan pelancong 65 peratus domestik dan 35 peratus pelancong antarabangsa pada tahun 2011. Negara asal pelancong adalah dari India (135883), China (134,068), Jepun (79,053), Singapura (1004, 495) Indonesia (192, 313) dan Thailand (115, 403). Aktiviti pelancongan yang dijalankan turut mempengaruhi sosial, budaya dan ekonomi komuniti Orang Asli sekitarnya. Impak kepada komuniti Orang Asli bergantung kepada attitude mereka terhadap aktiviti pelancongan yang dijalankan. Di Taman Negara misalnya, aktiviti pelancongan yang dijalankan telah menyediakan peluang kerjaya dan menjadi perangsang untuk mereka melakukan inovasi dalam penghasilan kraftangan (Zuriatunfadzliyah et al., 2009).

KAJIAN LEPAS

Attitud komuniti setempat terhadap pembangunan pelancongan di kawasan penempatan mereka adalah penting supaya impak positif hasil daripada aktiviti tersebut dapat mereka kecap. Namun demikian, pelaksanaan aktiviti pelancongan sering menerima reaksi yang pelbagai. Kajian lepas merumuskan faktor-faktor yang mempengaruhi attitude tersebut ialah faktor sosio-ekonomi, faktor spatial, kebergantungan ekonomi, status bermastautin, *typology* masyarakat tersebut (Harrill, 2004) nilai budaya, gelagat dan tingkahlaku (Teye, 2002), kepentingan pelancongan kepada peluang pekerjaan tempatan, jenis dan tahap interaksi hos-tetamu serta tahap pembangunan pelancongan tersebut (Madrigal, 1995). Interaksi hos tetamu yang dimaksudkan ialah kebolehan pelancong menyesuaikan diri dengan persekitaran tempatan (Smith, 1989). Attitud positif akan terhasil apabila komuniti setempat mempunyai perspektif bahawa pelancongan mewujudkan pembangunan, meningkatkan pasaran pertanian, menjana pendapatan dan membawa tuah yang datang tanpa di duga (Lepp, 2007). Perbezaan budaya yang ketara antara pelancong yang berkunjung dengan komuniti tempatan turut mempengaruhi sikap komuniti setempat terhadap pembangunan pelancongan (Brunt & Courtney, 1999).

Tahap atau fasa pembangunan pelancongan di destinasi pelancongan turut mempengaruhi attitude komuniti tempatan. Pada fasa awal sebelum pembangunan di laksanakan, komuniti secara dasarnya akan menyokong namun mempunyai pandangan yang tidak homogen bergantung kepada

jangkaan kesan positif dan negatif yang bakal mereka tanggung dengan pelaksanaan aktiviti tersebut (Mason, Peter, and Joanne Cheyne, 2000). Kajian menunjukkan pembangunan pelancongan pada tahap rendah ke sederhana di anggap bermunafaat oleh komuniti tempatan, tetapi dengan peningkatan pembangunan, persepsi dengan cepat boleh bertukar negatif (Harrill, 2004; Vargas-Sánchez, 2009).

Atitud komuniti turut memainkan peranan yang penting dalam menjayakan usaha untuk membangun dan menjayakan aktiviti pelancongan (Teye, 2002) terutamanya yang berkaitan dengan alam sekitar (Jurowski, Uysal dan Williams, 1997). Atitud positif komuniti tempatan terhadap pelancongan dan jumlah manfaat peribadi yang diperoleh daripada pelancongan berhubungan positif di mana manfaat peribadi melebihi kos peribadi yang di tanggung (Perdue, Long dan Allen, 1990). Sokongan mula berkurangan akibat daripada perubahan dalam scenario ekonomi setempat kesan aktiviti pembangunan yang dijalankan. Namun demikian, komuniti tempatan bersikap positif terhadap peningkatan yang berlaku dalam aktiviti ekonomi, wujudnya taman-taman rekreasi, peningkatan kualiti hidup. Sehubungan itu, pandangan komuniti tempatan tidak boleh dipinggirkan dalam pelaksanaan aktiviti pembangunan. Pandangan mereka perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Kehendak dan keperluan komuniti tempatan amat penting bagi menjamin sokongan yang berterusan.

METODOLOGI

Pungutan data di peringkat sekunder dan primer telah dilakukan untuk kajian ini. Data diperingkat sekunder membantu dalam memahami dan menjelaskan isu yang dikaji. Data diperingkat primer dilakukan melalui dua peringkat. Pada peringkat pertama, tinjauan rintis dilakukan dengan menemubual secara terperinci sampel yang bersifat heterogenous seramai 20 orang. Sampel ini termasuklah wakil JHEO di Cameron Highland, orang asli yang terlibat dengan aktiviti pemandu pelancong, suri rumah, remaja, tok batin dan golf kedi. Melalui tinjauan rintis ini, perincian yang lebih jelas telah diperolehi tentang lompangan yang wujud dalam soal selidik yang telah dibangunkan untuk dijadikan instrumen kajian. Data yang dicerap iaitu semua item yang mengukur konstruk diukur pada skala lima mata (5 = 'Sangat setuju' dengan 1 = 'Amat tidak setuju'). Ia menandakan tahap kebersetujuan responden tentang item yang diukur.

Teknik pensampelan rawak berstrata berbilang peringkat digunakan dengan penstrataan pertama mengikut kawasan penempatan samada bandar, pinggir bandar dan pedalaman yang diikuti penstrataan peringkat kedua mengikut status samada responden adalah ketua isi rumah atau ahli isi rumah. Seramai 475 orang responden telah berjaya di temubual dengan menggunakan soal selidik. Jumlah sampel yang diperolehi adalah mencukupi untuk meneruskan ujian ujian statistik. Nisbah jumlah sampel dan pemboleh ubah yang di terima pakai ialah 10:1 (Stern *et al* 1977) dan 15:1 (Steven 2002). Jika $n > 400$, ujian statistik yang kompleks boleh dilakukan untuk mengenalpasti sebarang perubahan atau perbezaan yang berlaku.

Kajian ini menggunakan pendekatan *Social Exchange Theory* (SET) untuk memahami dan menjelaskan atitud komuniti orang asli terhadap aktiviti pelancongan yang dijalankan. SET menyarankan penduduk berkemungkinan menyokong pelancongan selagi faedah dilihat melebihi kos. SET dibangunkan atas prinsip sifat manusia yang digambarkan sebagai *reward-seeking* dan *punishment-avoiding* dan sebarang tindak tanduk adalah bermotivasikan jangkauan keuntungan (Emerson, 1987). SET menganggap hubungan sosial melibatkan pertukaran sumber dan motif utama pertukaran tersebut adalah manfaat ekonomi kepada komuniti (Ap, 1992). Untuk menjawab persoalan kajian, kerangka kajian seperti rajah 1 digunakan. Kerangka ini melibatkan empat konstruk utama iaitu manfaat individu (6 item), persepsi impak positif (6 item), persepsi impak negatif (8 item) dan sokongan kepada pelancongan (8 item).

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan jadual 1, majoriti responden adalah daripada suku kaum Semai dengan agihan yang hampir sama banyak di antara lelaki dan perempuan. Daripada jumlah 475 responden, 154 adalah ketua isi rumah (KIR) dan 321 adalah ahli isi rumah (AIR). Hampir 81 peratus berumur bawah 45 tahun dengan 37.1 peratus terdiri daripada mereka yang berumur antara 16-25 tahun. Ini menunjukkan majoriti responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada golongan muda. Bagi status perkahwinan pula, majoriti responden sudah berkahwin iaitu 68.2 peratus, yang belum berkahwin ialah 29.1 peratus dan responden yang pernah berkahwin pula sebanyak 2.7 peratus. Terdapat dua jenis keluarga iaitu keluarga asas dan keluarga luas. Keluarga asas merupakan keluarga yang mempunyai bilangan ahli

yang kecil, manakala keluarga luas merupakan keluarga yang tinggal bersama ahli keluarga yang ramai termasuk datuk, nenek, ibu saudara dan lain lain. Di kawasan kajian, terdapat 282 orang responden yang tinggal bersama keluarga asas dan 193 orang responden tinggal bersama keluarga luas. Seramai 402 orang responden merupakan penduduk asal kawasan ini, sementara baki sebanyak 73 orang responden bukan penduduk asal. Bagi kategori agama, lebih separuh responden menganut agama Islam iaitu 57.1 peratus, manakala penganut Hindu mencatatkan peratusan paling rendah dengan sebanyak 0.4 peratus. Lebih 70 peratus responden bersekolah hingga ke Tingkatan 3 dan 34.5 peratus mempunyai tahap pendidikan sehingga tamat Darjah 6.

Jadual 2 menunjukkan nilai min, purata nilai min dan nilai *cronbach alpha*. Bagi konstruk manfaat daripada aktiviti pelancongan, responden berpendapat item 'rasa selamat untuk tinggal disini' mencatatkan nilai min paling tinggi iaitu sebanyak 3.9957. Keadaan ini adalah seperti dijangka kerana komuniti ini mengamalkan hidup berkelompok dimana saudara mara tinggal dalam lingkungan kejiranan yang jarak rumah mereka adalah hampir antara satu dengan yang lain. Senario ini seterusnya meningkatkan jaminan keselamatan komuniti ini. Nilai min konstruk 'Manfaat daripada pelancongan' pula adalah 3.3118, menunjukkan manfaat secara keseluruhannya adalah pada tahap sederhana. Nilai *cronbach alpha* yang diperolehi adalah 0.654 yang mana nilai ini adalah agak rendah namun kebolehpercayaannya adalah pada tahap boleh terima (Murphy & Davidshofer, 1988).

Dalam aspek persepsi positif daripada pelancongan pula, responden berpendapat meningkatkan pendapatan Orang Asli yang berniaga memainkan peranan paling penting dalam impak positif daripada pelancongan. Hal ini kerana, item terbabit mencatatkan nilai min paling tinggi iaitu 2.8889. Nilai min bagi konstruk ini adalah 2.7465 menunjukkan persepsi positif daripada aktiviti pelancongan yang dijalankan adalah pada tahap sederhana rendah. Nilai *Cronbach alpha* yang dicatatkan pula adalah 0.868 yang boleh disimpulkan baik dan boleh diterima kebolehpercayaannya (George & Mallery, 2003).

Bagi persepsi negatif daripada pelancongan pula, item 'mengubah cara hidup Orang Asli' mencatatkan skor paling tinggi iaitu 2.7343. Nilai min bagi konstruk pula adalah 2.2609 yang menunjukkan aktiviti pelancongan yang dijalankan kurang memberi persepsi negatif kepada mereka. Nilai *cronbach alpha* yang dicatatkan adalah 0.819 yang turut menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang boleh diterima dan baik (George & Mallery, 2003).

Konstruk terakhir iaitu 'sokongan kepada pelancongan' pula, nilai min tertinggi ialah peluang melakukan aktiviti masa lapang bersama ahli masyarakat Orang Asli iaitu 4.1258. Responden berpendapat aktiviti pelancongan memberikan mereka peluang untuk menjalankan aktiviti masa lapang bersama ahli masyarakat mereka yang lain. Min terendah adalah pada 'peningkatan aktiviti kesenian' kerana aktiviti pelancongan di Cameron Highland tidak melibatkan pelancongan yang berkonsepkan pribumi (indigenous tourism). Nilai min bagi konstruk ini ialah 3.8563 yang menunjukkan responden berpuas hati dengan aktiviti pelancongan yang dijalankan kerana memberikan mereka peluang untuk melakukan kepelbagaian dalam hidup mereka. Nilai *cronbach alpha* yang dicatatkan pula adalah 0.814 yang menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang baik.

Berdasarkan jadual 3 di atas, terdapat tiga model yang dianggar berdasarkan persoalan kajian. Selain manfaat pelancongan, pembolehubah bebas bagi ciri komuniti ialah jumlah pendapatan, jantina, umur, tahap pendidikan, penduduk asal, strata, kemahiran dimiliki, tahap kesihatan dan status perkahwinan. Pembolehubah bersandar pula adalah impak negatif pelancongan, impak positif pelancongan dan sokongan terhadap aktiviti pelancongan. Secara keseluruhan ketiga tiga model menunjukkan nilai R kuasa dua berada antara 0.1 ke 0.2. Walaupun nilai ini adalah agak rendah, ianya boleh diterima dalam kajian bidang sains sosial yang menggunakan data primer (Gaur & Gaur, 2006).

Bagi model 1, manfaat pelancongan adalah signifikan dalam mempengaruhi persepsi negatif terhadap aktiviti pelancongan dan ia berhubungan positif. Ini bermakna peningkatan dalam manfaat pelancongan akan meningkatkan persepsi negatif responden terhadap aktiviti pelancongan. Dapatan ini berkait rapat dengan gaya hidup mereka yang masih mengamalkan kehidupan tradisi dan tidak bergantung kepada manfaat yang terhasil daripada aktiviti pelancongan. Ciri ciri komuniti yang lain adalah tidak signifikan melainkan strata pendalaman dan bandar.

Bagi Model 2 pula, hasil kajian menunjukkan manfaat pelancongan adalah signifikan dalam mempengaruhi persepsi positif terhadap pelancongan. Manfaat pelancongan berhubungan secara positif dengan pembolehubah bersandar. Selain itu, tahap pendidikan dan strata antara bandar dan pendalaman turut signifikan dan mempunyai hubungan positif dengan impak positif pelancongan. Ini bermakna responden yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi mempunyai persepsi yang baik terhadap pelancongan. Responden yang tinggal di kawasan bandar turut mempunyai persepsi yang lebih positif berbanding mereka yang tinggal dipendalaman.

Model terakhir iaitu Model 3, kajian menunjukkan manfaat pelancongan adalah signifikan dan berhubungan positif dengan sokongan untuk pelancongan. Ini menunjukkan peningkatan dalam

manfaat pelancongan yang di perolehi akan meningkatkan sokongan responden untuk pelancongan. Selain itu, kemahiran membaca dan menulis turut signifikan dan mempunyai hubungan positif terhadap sokongan untuk pelancongan. Ini bermakna responden yang memiliki kemahiran yang tinggi dalam membaca dan menulis lebih menyokong sektor pelancongan ini. Keputusan ini secara tersirat menunjukkan pendedahan dan pengetahuan tentang aktiviti pelancongan yang diperolehi daripada medium pembacaan seperti wujudnya peluang pekerjaan boleh meningkatkan sokongan komuniti ini terhadap pelancongan di kawasan mereka. Ciri komuniti yang lain didapati tidak signifikan dalam mempengaruhi sokongan mereka terhadap pelancongan.


KESIMPULAN

Tanah tinggi Cameron merupakan salah satu tempat pelancongan yang terkenal di negara ini dan sumbangannya dalam meningkatkan pendapatan komuniti yang tinggal di kawasan tersebut adalah penting. Walaupun sektor pelancongan di Cameron highlands berkembang dengan pesat ia mewujudkan pelbagai kesan positif dan juga negatif kepada komuniti orang asli. Pelbagai pihak berkepentingan telah memainkan peranan masing-masing bagi memastikan pembangunan pelancongan yang di rancang dapat memberi manfaat kepada komuniti ini. Persepsi positif dan negatif komuniti ini dipengaruhi oleh manfaat yang diperolehi daripada aktiviti tersebut. Ciri ciri komuniti ini tidak banyak memainkan peranan dalam mempengaruhi sejauh mana mereka menyokong aktiviti pelancongan yang dijalankan di Cameron Highland. Keadaan ini berlaku kerana aktiviti pelancongan yang di jalankan disini tidak melibatkan komuniti mereka secara langsung. Perhatian yang sewajarnya perlu diberikan kepada pelancongan yang melibatkan mereka secara langsung, di mana produk yang diketengahkan menonjolkan budaya, warisan dan gaya hidup mereka yang boleh dijadikan sebahagian daripada tarikan pusat pelancongan ini. Banyak kajian ke atas aktiviti pelancongan di Cameron Highland telah membuat cadangan menggabungkan supaya komuniti ini dilibatkan dalam aktiviti-aktiviti pelancongan.

RUJUKAN

- Aref, Fariborz. "Residents' Attitudes Towards Tourism Impacts: A Case Study of Shiraz, Iran." *Tourism Analysis* 15.2 (2010): 253-261.
- Barrow, C. J., et al. "Sustainable development in the Cameron highlands, Malaysia." *Malaysian Journal of Environmental Management* 6 (2005): 41-57.
- Byrd, Erick T., Holly E. Bosley, and Meghan G. Dronberger. "Comparisons of stakeholder perceptions of tourism impacts in rural eastern North Carolina." *Tourism Management* 30.5 (2009): 693-703.
- Butler, Richard, and Tom Hinch. *Tourism and indigenous peoples*. Routledge, 2012
- Brunt, Paul, and Paul Courtney. "Host perceptions of sociocultural impacts." *Annals of Tourism Research* 26.3 (1999): 493-515.
- Chan NW, Ghazali S, Norizan MN. 2006. Climate change and heat island effects in Cameron Highlands. Pages 35–55 in Chan NW, ed. Cameron Highlands Issues and Challenges in Sustainable Development. Universiti Sains Malaysia.
- Caroline Ashley, Peter De Brine, Amy Lehrand Hannah Wilde. 2007. The Role of the Tourism Sector in Expanding Economic Opportunity. Corporate Social Responsibility Initiative Report No 23. Cambridge, MA: Kennedy School of Government, Harvard University.
- Emerson, Richard M. "Toward a theory of value in social exchange." *Social exchange theory* 11 (1987): 46.
- Er, Ah Choy, Zalina Che Mat Ariffin, and Joy Jacqueline Pereira. "Sosioekonomi masyarakat Orang Asli: kajian kes di Hutan Simpan Bukit Lagong, Selangor, Malaysia." *Jurnal Melayu* 5 (2010): 295-314.
- Gaur, Ajai S., and Sanjaya S. Gaur. *Statistical methods for practice and research: A guide to data analysis using SPSS*. SAGE Publications Pvt. Limited, 2006.
- Hall, C. Michael, R. Butler, and T. Hinch. "Tourism and the Maori of Aotearoa, New Zealand." *Tourism and indigenous peoples*. (1996): 155-175.
- Harrill, Rich. "Residents' attitudes toward tourism development: A literature review with implications for tourism planning." *Journal of Planning Literature* 18.3 (2004): 251-266.
- Gliem, Joseph A., and Rosemary R. Gliem. "Calculating, interpreting, and reporting Cronbach's alpha reliability coefficient for Likert-type scales." Midwest Research-to-Practice Conference in

- Adult, Continuing, and Community Education, The Ohio State University, Columbus, OH, 2003.
- Krannich, Richard S., A. E. Luloff, and Donald R. Field. "Putting rural community change in perspective." *People, Places and Landscapes*. Springer Netherlands, 2011. 9-25.
- Látková, Pavlína, and Christine A. Vogt. "Residents' attitudes toward existing and future tourism development in rural communities." *Journal of Travel Research* 51.1 (2012): 50-67.
- Lepp, Andrew. "Residents' attitudes towards tourism in Bigodi village, Uganda." *Tourism Management* 28.3 (2007): 876-885.
- J. Nowak, M. Sahli, P.M. Sgro, Tourism, trade and domestic welfare. *Pacific Economic Review*, 8 (3) (2003), pp. 245-258
- Jonathan Mitchell & Caroline Ashley, (2010). *Tourism and Poverty Reduction Pathways To Prosperity*
- Jurowski, Claudia, Muzaffer Uysal, and Daniel R. Williams. "A theoretical analysis of host community resident reactions to tourism." *Journal of travel research* 36.2 (1997): 3-11.
- Purdue, R.R., P.T. Long, and L. Allen (1990). Resident support for tourism development. *Annals of Tourism Research*, 17 (4): 586-99.
- Shaari, Abdull Sukor, et al. "Kanak-kanak minoriti orang Asli di Malaysia: mengapai literasi bahasa Melayu (Children of the orang asli minority in Malaysia: achieving the Malay Language literacy)." *Jurnal Pendidikan Bahasa melayu; Malay Language Education (MyLEJ)* 1.2 (2011): 59-70.
- Sahdan, Zuriatunfadzliah, Rosniza Aznie Che Rose, and Habibah Ahmad. "Perubahan Budaya Orang Bateq Dalam Situasi Ekopelancongan Di Taman Negara." *e-Bangi* 4.1 (2009): 11.
- Teye, Victor, Ercan Sirakaya, and Sevil F Sönmez. "Residents' attitudes toward tourism development." *Annals of Tourism Research* 29.3 (2002): 668-688.
- Madrigal, Robert. "Residents' perceptions and the role of government." *Annals of tourism research* 22.1 (1995): 86-102.
- Mason, Peter, and Joanne Cheyne. "Residents' attitudes to proposed tourism development." *Annals of Tourism Research* 27.2 (2000): 391-411.
- Nicholas, Lorraine Nadia, Brijesh Thapa, and Yong Jae Ko. "Residents' perspectives Of A World Heritage Site: The Pitons Management Area, St. Lucia." *Annals of Tourism Research* 36.3 (2009): 390-412.
- Ribeiro, Manuel Alector, Patrícia Oom do Valle, and João Albino Silva. "Residents' Attitudes towards Tourism Development in Cape Verde Islands." *Tourism Geographies* ahead-of-print (2013): 1-26.
- Veuren, EJ van. "Capitalising on indigenous cultures: cultural village tourism in Sou Látková, Pavlína, and Christine A. Vogt. "Residents' attitudes toward existing and future tourism development in rural communities." *Journal of Travel Research* 51.1 (2012): 50-67. th Africa." *Africa of Insight* 33.1/2 (2003): 69-77.
- Vargas-Sánchez, Alfonso, María de los Ángeles Plaza-Mejía, and Nuria Porrás-Bueno. "Understanding residents' attitudes toward the development of industrial tourism in a former mining community." *Journal of Travel Research* 47.3 (2009): 373-387.
- Whitford, Michelle M., and Lisa M. Ruhanen. "Australian indigenous tourism policy: practical and sustainable policies?." *Journal of Sustainable Tourism* 18.4 (2010): 475-496..
- XU, Zhenxiao, et al. "Research on Influence of Residents' Place Attachment on Positive Attitude to Tourism with A Mediator of Development Expectation: A Case of Core Tourism Community in Jiuzhaigou [J]." *Acta Geographica Sinica* 6 (2009): 012.



RAJAH 1: Kerangka Kajian (Adaptasi daripada Purdue et al,1990)

JADUAL 1: Latar Belakang Responden

Ciri-ciri Responden	Frekuensi	Peratus (%)
Jantina:		
Lelaki	213	44.8
Perempuan	262	55.2
Status:		
Ketua Isi Rumah (KIR)	154	32.4
Ahli Isi Rumah (AIR)	321	67.6
Umur:		
15 tahun dan ke bawah	10	2.1
16-25 tahun	176	37.1
26-35 tahun	114	24.0
36-45 tahun	97	20.4
46-55 tahun	37	7.8
56-65 tahun	29	6.1
65 tahun dan ke atas	12	2.5
Status Perkahwinan:		
Belum berkahwin	138	29.1
Berkahwin	324	68.2
Pernah berkahwin	13	2.7
Jenis Keluarga:		
Keluarga asas	282	59.4
Keluarga luas	193	40.6
Penduduk Asal:		
Ya	402	84.6
Tidak	73	15.4
Agama:		
Nenek moyang	71	14.9
Islam	271	57.1
Kristian	72	15.2
Hindu	2	0.4
Lain-lain	59	12.4
Tahap Pendidikan:		
Tidak bersekolah	148	31.2
Tamat Darjah 6	164	34.5
Tamat Tingkatan 3	87	18.3
Tamat Tingkatan 5	72	15.2
HSC/STPM/Matrik	2	0.4
Sijil kemahiran	2	0.4

JADUAL 2: Nilai Min Konstruk, Item dan Kebolehpercayaan

Item.	Nilai Min	Nilai Min Konstruk	Nilai Cronbach Alpha
Manfaat daripada pelancongan:			
Infrastuktur dan perkhidmatan awam dijaga dengan baik	3.1500	3.3118	0.654
Menambah ilmu sebab dapat tahu tentang cara hidup orang luar	3.2478		
Pemuliharaan keseluruhan kawasan Cameron Highland	3.3739		
Jaminan keselamatan	3.9957		
Kemudahan bekalan barangan harian	3.2495		
Innovasi dalam gaya dan bentuk hasil kraftangan	2.8500		
Persepsi positif daripada pelancongan:			
Peningkatan pendapatan dengan perniagaan	2.8889	2.7465	0.868
Penyediaan pekerjaan yang boleh dilakukan	2.6191		
Penyediaan peluang pekerjaan	2.7404		
Menggalakkan orang luar datang berbelanja	2.8051		
Meningkatkan ekonomi keluarga Orang Asli	2.8534		
Menarik pelabur luar ke kawasan Cameron Highland	2.5936		
Persepsi negatif daripada pelancongan:			
Menghasilkan banyak sampah	2.3468	2.2609	0.819
Mengganggu kehidupan Orang Asli	2.1800		
Mencemar alam sekitar	2.5385		
Kerosakan harta benda awam	2.0393		
Kesesakan lalu lintas	2.2754		
Peningkatan bilangan kes jenayah melibatkan Orang Asli	1.6565		
Peruntukan awam habis bina kemudahan pelancong	2.3180		
Mengubah cara hidup Orang Asli	2.7343		
Sokongan kepada pelancongan:			
Masa lapang bersama ahli masyarakat Orang Asli	4.1258	3.8563	0.814
Kunjungan orang luar ke tempat anda	3.9427		
Kehidupan masyarakat Orang Asli secara keseluruhan	4.0340		
Perkhidmatan dan kemudahan yang anda terima	3.7894		
Kebolehan anda bercerita tentang budaya anda	3.7701		
Meningkatkan minat berjumpa dengan ramai lagi pelancong	3.7445		
Membuat anda bangga dengan budaya anda	4.1152		
Peningkatan aktiviti kesenian	3.3739		

JADUAL 3: Keputusan Regresi

Pembolehubah Bebas	Pembolehubah Bersandar	
	Beta	Nilai-p
Model 1	Persepsi Negatif Pelancongan	
Manfaat pelancongan	***0.203	0.000
Jumlah pendapatan	0.051	0.426
Jantina ^a	-0.020	0.750
Umur	0.027	0.679
Tahap pendidikan	-0.060	0.392
Penduduk asal ^b	0.062	0.246
Pedalaman vs Luar bandar ^c	-0.104	0.074
Pedalaman vs Bandar ^c	**0.124	0.041
Membaca dan menulis	0.100	0.134
Penguasaan Bahasa Melayu	-0.012	0.839
Penguasaan Bahasa Inggeris	0.065	0.283
Kemahiran jejak tanah	-0.077	0.218
Kemahiran teknikal/vokasional	0.031	0.617
Tahap kesihatan	0.047	0.371
Belum berkahwin vs Berkahwin ^d	0.064	0.321
Belum berkahwin vs Pernah berkahwin ^d	0.042	0.476
R-kuasa dua (R^2)=0.170; Pekali Penentuan Terlaras (\tilde{R}^2)=0.178; Perubahan Nilai F=2.815		
Model 2	Persepsi Positif Pelancongan	
Manfaat pelancongan	***0.375	0.000
Jumlah pendapatan	0.013	0.828
Jantina ^a	-0.001	0.981
Umur	0.043	0.480
Tahap pendidikan	**0.133	0.040
Penduduk asal ^b	0.077	0.120
Pedalaman vs Luar bandar ^c	-0.046	0.391
Pedalaman vs Bandar ^c	**0.165	0.003
Membaca dan menulis	0.043	0.481
Penguasaan Bahasa Melayu	0.032	0.573
Penguasaan Bahasa Inggeris	-0.051	0.364
Kemahiran jejak tanah	-0.095	0.101
Kemahiran teknikal/vokasional	0.016	0.786
Tahap kesihatan	-0.090	0.066
Belum berkahwin vs Berkahwin ^d	0.077	0.192
Belum berkahwin vs Pernah berkahwin ^d	-0.055	0.312
R-kuasa dua (R^2)=0.252; Pekali Penentuan Terlaras (\tilde{R}^2)=0.216; Perubahan Nilai F=6.901		
Model 3	Sokongan terhadap pelancongan	
Manfaat pelancongan	***0.388	0.0000
Jumlah pendapatan	-0.021	0.729
Jantina ^a	-0.014	0.807
Umur	0.054	0.373
Tahap pendidikan	0.071	0.275
Penduduk asal ^b	-0.018	0.723
Pedalaman vs Luar bandar ^c	-0.005	0.927
Pedalaman vs Bandar ^c	-0.101	0.073
Membaca dan menulis	**0.161	0.010
Penguasaan Bahasa Melayu	0.027	0.632
Penguasaan Bahasa Inggeris	0.018	0.753
Kemahiran jejak tanah	0.038	0.518
Kemahiran teknikal/vokasional	-0.021	0.718

Tahap kesihatan	-0.083	0.090
Belum berkahwin vs Berkahwin ^d	-0.030	0.613
Belum berkahwin vs Pernah berkahwin ^d	0.058	0.289
R-kuasa dua (R^2)=0.239; Pekali Penentuan Terlaras (\check{R}^2)=0.202; Perubahan Nilai F=6.469		

*** signifikan pada $p < 0.001$

** signifikan pada $p < 0.05$

^a kod dummy : 0 = perempuan; 1 = lelaki

^b kod dummy : 0 = tidak; 1 = ya

^c kod dummy : 0 = lain-lain; 1 = luar bandar

: 0 = lain-lain; 1 = bandar

^d kod dummy : 0 = lain-lain; 1 = berkahwin

: 0 = lain-lain; 1 = pernah berkahwin